

6

setempat

11-01-2018

>> Sisa runtuhan sukarkan anggota bomba membawa keluar mayat mangsa

HARIAN METRO

# 12 jam terkubur

■ Anggota bomba bertungkus-lumus keluaran mayat pekerja binaan warga Bangladesh

Murul Hidayah Bahaudin  
nurulhidayah@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Anggota bomba terpaksa bertungkus-lumus lebih 12 jam sebelum berjaya mengeluarkan mayat pekerja binaan warga Bangladesh yang dihempap runtuh bangunan dalam pembinaan di Jalan Cochrane, Cheras di sini, semalam.

Mayat mangsa, Akhter Hossin, 20, berjaya dikeluarkan pada jam 5.23 pagi selepas kerja mencari dan menyelamatkan dimulakan jam 5 petang kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pudu Armdan Mahad berkata, operasi mengeluarkan mayat mangsa berdepan kesukaran berikutan sisa runtuh yang besar menindih rubuh mangsa.

Menurutnya, anggota bomba terpaksa menggunakan kaedah manual untuk mengeluarkan mayat mangsa memandangkan struktur lantai bangunan itu tidak stabil.

"Sisa runtuh batu dan konkrit menghempap mangsa menyukarkan kami mengeluarkan mayat itu."

"Bagaimanapun, selepas 12 jam anggota bomba bertungkus-lumus menjalankan kerja mengalihkan sisa runtuh, kami akhirnya berjaya mengeluarkan ma-

yat mangsa pada jam 5.23 pagi semalam," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Armdan berkata, berdasarkan siasatan, mangsa dikatakan berada di tingkat tiga sebelum berlaku runtuh menyebabkan dia dihempap sisa runtuh.

"Siasatan mendapati lantai yang runtuh hanya memabitkan tingkat tiga iaitu 20 peratus daripada keseluruhan bangunan," katanya.

Dalam kejadian berasingan, seorang pekerja binaan warga Indonesia cedera selepas perancah bangunan dalam pembinaan runtuh berhampiran Kilometer 23, Lebuhraya Grand Saga, Kajang, Selangor kira-kira jam 5 petang kelmarin.



ANGGOTA bomba membawa keluar mayat warga Bangladesh yang tertimbus dalam timbunan konkrit selepas 12 jam operasi

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 5.28 petang.

"Seramai 12 anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Ka-

jang dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian, kami mendapati perancah pada tingkat dua bangunan terbabat runtuh menyebabkan mangsa, Gunaawan, 34, cedera, manakala tujuh lagi pekerja binaan sempat menyelamatkan diri," katanya.

## Gesa cari langkah kurang kemalangan

**Kuala Lumpur:** Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) digesa mencari langkah terbaik mengurangkan kadar kemalangan di tapak pembinaan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, masalah itu perlu diatasi dengan segera bagi membendung peningkatan kadar kemalangan.

"Setiap tahun, pasti

ada kejadian memabitkan kemalangan di tapak pembinaan dilaporkan sama ada mangsa kehilangan nyawa atau sebaliknya. Perkara ini sekali gus menyebabkan wujud stigma dan perasaan takut dalam kalangan orang ramai ketika mereka melalui tapak pembinaan.

"Ini menunjukkan perkara ini semakin serius dan perlu ditangani segera oleh kedua-dua jabatan itu dari segi tindakan undang-undang dan kemahiran pembinaan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan di tapak pembinaan," katanya ketika dihubungi, semalam.



LEE



ANGGOTA bomba berusaha membawa keluar mayat mangsa.